

07/07/1999

Kelemahan projek rumah murah diakui

Wan Hazmir Bakar

PETALING JAYA, Selasa - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengakui ada kelemahan dalam perancangan program perumahan kos rendah membabitkan kerajaan negeri sehingga menyebabkan sasarannya tidak tercapai.

Menterinya, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata kelemahan ketara ialah pemilihan tapak projek yang kemudiannya didapati tidak sesuai atau harga terlalu mahal untuk pelaksanaan projek rumah kos murah.

Katanya, masalah ini menyebabkan pelaksanaan projek itu tergendala sehingga kawasan baru yang sesuai dapat dikenal pasti dan diambil alih oleh kerajaan negeri.

"Kita akui ada kelemahan dalam aspek perancangan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan di Siang Puncak Perumahan Kebangsaan di sini, hari ini.

Beliau mengulas gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam supaya kerajaan negeri mempercepatkan usaha pembinaan dan pengagihan rumah kos murah, terutamanya kepada pembeli Bumiputera.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno membuat gesaan itu selepas dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, semalam.

Dr Ting berkata Perdana Menteri sebelum ini sudah mengutus surat kepada semua Menteri Besar dan Ketua Menteri mengarah mereka supaya meningkatkan usaha pelaksanaan projek rumah kos murah.

Menurutnya, kerajaan pusat belum berpuas hati dengan pencapaian kerajaan negeri dalam pembinaan rumah kos rendah yang jauh ketinggalan berbanding pihak swasta yang mencapai sasaran.

"Walaupun ada projek dilaksanakan di semua negeri, usaha itu masih perlu dipertingkatkan. Setakat ini pelaksanaan projek rumah kos rendah oleh kerajaan negeri masih belum mencapai tahap yang diharapkan," katanya.

Pertengahan bulan lalu, Kabinet mengarahkan semua kerajaan negeri menentukan pembeli rumah kos rendah sebelum sesuatu projek perumahan itu siap bagi mengatasi kelewatan yang menyebabkan pelbagai masalah kepada pembeli dan pemaaju.

Dr Ting berkata projek rumah kos murah adalah sektor penting dalam pemulihan ekonomi negara kerana ia membabitkan penggunaan bahan binaan tempatan sepenuhnya.

Menyedari hakikat ini, katanya, Kerajaan Persekutuan sedang membina 35,000 unit rumah kos rendah bernilai RM1.4 bilion di ibu negara menerusi Program Perumahan Rakyat (PPR) untuk disewakan kepada golongan miskin.

Menurutnya, program itu akan diperluaskan ke semua negeri bagi menampung keperluan golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan rumah kos murah yang masih belum dipenuhi oleh kerajaan negeri.

Mengenai usaha kementerian memperketatkan peraturan mengenai perumahan, termasuk Akta Pemaaju Perumahan 1966, Dr Ting memberi jaminan kerajaan akan mengambil kira pandangan semua pihak bagi memastikan keadilan.

(END)